



2023/IGN/01
Keperluan Pertolongan
Cemas di Tempat Kerja

PERTOLONGAN CEMAS DI TEMPAT KERJA

KEWAJIPAN PENGHUNI TEMPAT KERJA

- Menyediakan peti pertolongan cemas.
- Melantik *first-aider*.
- Menyediakan bilik pertolongan cemas.
- Menyediakan rawatan kecemasan terhadap orang yang terdedah kepada bahan toksik atau menghakis.
- Menyimpan rekod rawatan tidak kurang dari 5 tahun.

PENYEDIAAN PETI PERTOLONGAN CEMAS

- Peti pertolongan cemas perlu disediakan bagi setiap lantai dan di semua tempat kerja.
- Barangan dan peralatan yang tidak perlu **TIDAK BOLEH** disimpan di dalam peti pertolongan cemas.
- Setiap peti pertolongan cemas yang disediakan hendaklah:



- (a) Dilengkapi secukupnya.
- (b) Dijaga dengan baik.
- (c) Kelengkapan hendaklah kerap diperiksa dan memastikan ianya boleh digunakan.
- (d) Peti pertolongan cemas perlu jelas dikenal pasti.
- (e) Diletakkan di tempat yang terang dan mudah diakses.
- (f) Diletakkan di bawah penjagaan *first-aiders* yang dilantik.

Adalah menjadi kesalahan jikalau mana-mana penghuni di tempat kerja gagal mematuhi Peraturan ini boleh dikenakan **denda tidak melebihi BND\$5,000.**

LANTIKAN FIRST-AIDER



First-aider hendaklah dilantik dimana:

- terdapat lebih daripada 25 orang pekerja.
- tempat kerja yang mempunyai jentera, peralatan atau bahan berbahaya.

Jumlah *first-aider* di kalangan pekerja hendaklah pada kadar nisbah **1 : 50 pekerja**

First-aider yang di lantik haruslah:

- menamatkan kursus yang diluluskan dalam *Occupational First-aid*.
- menyelenggarakan semua rekod rawatan yang diberikan.
- menyerahkan rekod rawatan kepada penghuni tempat kerja.

Notis bersama nama dan gambar *first-aiders* yang dilantik perlu dipaparkan di kawasan yang strategik di tempat kerja.

BILIK PERTOLONGAN CEMAS

Mesti disediakan dan diselenggarakan bagi tempat kerja yang lebih dari 100 pekerja.



PENYEDIAAN RAWATAN PERTOLONGAN CEMAS BAGI BAHAN-BAHAN TOKSIK DAN MENGHAKIS

Kemudahan yang sesuai perlu disediakan dan diselenggarakan di tempat kerja bagi rawatan kecemasan terhadap mata atau badan yang tersentuh dari bahan-bahan toksik atau menghakis.